



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PENJAWAT AWAM DIDAKWA ATAS KESALAHAN DI BAWAH KANUN KESEKSAAN DI MAHKAMAH KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur - Kementerian Kerja Raya (KKR) mengambil maklum mengenai pertuduhan di bawah Kanun Keseksaan yang telah difailkan di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada 25 Julai 2025 terhadap seorang Penjawat Awam yang sedang berkhidmat di KKR.

2. Sebagai langkah segera, Lembaga Tatatertib KKR akan bersidang bagi memastikan prosiding perundangan dapat dijalankan tanpa gangguan dan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

3. KKR tidak akan berkompromi dengan sebarang perlakuan tatakelakuan yang yang boleh menjejaskan imej perkhidmatan awam dan organisasi. Manakala, dari aspek kawalan dalaman, KKR sentiasa melaksanakan program kesedaran, pendidikan dan intervensi bagi tujuan mencegah perlakuan sedemikian. KKR komited untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, profesional, kondusif dan bebas daripada sebarang bentuk gangguan.

4. Sebagai menghormati proses Mahkamah yang sedang berjalan dan demi menjaga hak semua pihak yang terlibat, KKR tidak akan mengulas lebih lanjut mengenai kes ini sehingga keputusan perundangan dimuktamadkan.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
27 Julai 2025